



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

## **TEKS UCAPAN**

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

## **SEMPENA**

**SEMINAR KECEMERLANGAN SPM TAHUN 2024  
PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA  
LUMPUR**

**22 OGOS 2024**

**MAIN AUDITORIUM IIUM  
GOMBAK, KUALA LUMPUR**

Terima kasih pengacara majlis.

بسم الله الرحمن الرحيم  
الحمد لله رب العالمين، والصلوة  
والسلام على سيدنا محمد أشرف  
المسلين، وعلى آله وصحبه أجمعين

### **SALUTASI AKAN DISEDIAKAN**

Assalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam  
Malaysia MADANI.

## PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama pada petang ini dalam Majlis Perasmian Seminar Kecemerlangan SPM Tahun 2024 Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada pengajur atas pelaksanaan seminar ini dan tidak dilupakan tahniah kepada 300 orang pelajar dari 76 buah sekolah yang terpilih menyertai seminar ini. **Apa khabar semua?**

# **CABARAN DAN KEPENTINGAN PENDIDIKAN DALAM PEMBENTUKAN MASA DEPAN MURID**

Para hadirin sekalian,

3. Suatu fakta yang tidak boleh kita sanggah, Pendidikan adalah asas kepada pembangunan seseorang individu dan sesebuah masyarakat. Ia bukan sahaja akan membuka pintu kepada peluang pekerjaan yang baik pada masa hadapan, bahkan ia juga memainkan peranan penting dalam membentuk sahsiah, nilai moral dan kemampuan untuk berfikir secara rasional dan kritikal. Pendidikan juga menjadi medium utama untuk

melahirkan generasi bijak pandai yang akhirnya dapat menyumbang kepada kemajuan dan kesejahteraan negara.

4. Sijil Pelajaran Malaysia atau SPM adalah salah satu titik penting dalam sistem pendidikan kita. Ia bukan sahaja berfungsi sebagai penilaian akhir bagi pelajar-pelajar yang telah menamatkan pendidikan menengah mereka, tetapi juga sebagai kunci dan penentu hala tuju dan masa depan anak kita.

5. Namun, baru-baru ini kita dimaklumkan bahawa lebih 10,000 orang pelajar SPM sesi 2023 telah tidak hadir untuk menduduki peperiksaan SPM, daripada keseluruhan 447,416 orang calon yang mendaftar. Walaupun terdapat penurunan dari sudut peratusan ketidakhadiran pada tahun 2023 berbanding tahun 2022, namun bilangan kumulatifnya pastinya bertambah dari setahun ke setahun dan ini sangat membimbangkan.

6. Statistik juga menunjukkan bahawa sebanyak 48.84 peratus pelajar yang menduduki SPM 2023 ini gagal dalam sekurang-kurangnya satu subjek teras. Ini adalah satu indikator yang menunjukkan bahawa ramai pelajar kita menghadapi cabaran besar pembelajaran mereka,

7. Cabaran-cabaran ini bukan sahaja disebabkan oleh tekanan akademik yang tinggi, tetapi juga dipengaruhi oleh pelbagai faktor lain mungkin seperti tekanan ekonomi, kekurangan sokongan keluarga atau pengaruh negatif dari rakan sebaya serta media sosial. Isu ini harus diberi perhatian serius dan diberi penekanan untuk diselesaikan.

## **PUJI MEMPERKASA PENDIDIKAN MELALUI INTERVENSI AWAL**

Para hadirin sekalian,

8. Di Wilayah Persekutuan, saya telah memperkenalkan satu *signature program* yang dinamakan sebagai Program Usaha Jaya Insan atau PUJI di mana salah satu komponen flagship di dalamnya adalah Ilmu@PUJI. Saya sentiasa percaya bahawa untuk kita memecahkan kitaran kemiskinan keluarga, ianya perlu bermula dengan pendidikan anak-anak.

9. Baru-baru ini saya telah melancarkan Program Mata Hati Wilayah, di mana kita membuat saringan mata terhadap murid-murid sekolah rendah dan menyediakan cermin mata percuma kepada mereka. Agak membimbangkan, statistik yang diperolehi setakat ini ialah daripada 2,077 orang murid yang disaring, seramai 58.2 peratus (melebihi separuh) dikenalpasti rabun. Ada seorang murid yang disaring, murid Tahun 1, kerabunannya yang tinggi dan dia tak pernah tahu. Sudah pasti ini akan menganggu pembelajaran dan mungkin juga jati diri anak ini.

10. Sekiranya hal ini kita tidak atasi lebih awal seperti ini, ada kemungkinan mereka juga akan tercicir daripada pelajaran dan kemungkinan akan menjadi penyumbang kepada jumlah ketidakhadiran SPM yang akhirnya akan merugikan produktiviti negara.

**USAHA            BERSEPADU            DALAM  
MEMASTIKAN        KECEMERLANGAN  
PELAJAR            DAN            PENGUKUHAN  
PENDIDIKAN TVET**

Para hadirin sekalian,

11. Seminar Kecemerlangan SPM yang diadakan selama 3 hari ini juga adalah antara salah satu usaha Kerajaan untuk memastikan pelajar-pelajar kita, khususnya di Wilayah Persekutuan, mendapat bimbingan yang sewajarnya dalam menghadapi peperiksaan yang penting ini.

12. Hanya berbaki beberapa bulan sahaja lagi, saya ingin melihat anak-anak yang ada depan saya ini bukan sahaja lulus dengan cemerlang, tetapi juga dilengkapi dengan nilai-nilai murni dan kemahiran insaniah yang boleh membantu anak-anak semua dalam kehidupan mendatang.
  
13. Pendidikan ini bukan hanya berfokus mencapai gred yang baik semata-mata, tetapi juga tentang membina karakter serta individu yang berdaya tahan, kreatif dan berintegriti.

14. Sudah pasti, pendidikan ini memerlukan kerjasama semua pihak – guru-guru, ibu bapa dan komuniti, selaras inisiatif SARANA Sekolah yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
  
15. Di samping itu, Kerajaan juga melaksanakan pengukuhan terhadap inisiatif dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional atau TVET sebagai laluan alternatif bagi pelajar yang ingin memasuki pasaran kerja dengan kemahiran teknikal yang tinggi.

16. Ini adalah penting untuk memastikan bahawa setiap pelajar, tidak kira latar belakang mereka, berhak dan mempunyai peluang untuk berjaya. Pada Belanjawan 2024 yang lalu, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM 6.8 bilion untuk inisiatif bidang TVET ini.

## **PENUTUP**

Para hadirin sekalian,

17. Kita perlu sedar bahawa pendidikan adalah hak setiap individu. Kerajaan MADANI pada hari ini akan terus berusaha untuk memusatkan setiap pelajar diberi peluang yang saksama untuk mencapai kejayaan. Ini termasuklah dengan meningkatkan kualiti latihan guru, memperluas akses kepada pendidikan yang berkualiti dan memastikan sistem pendidikan kita terus relevan dengan keperluan semasa.

18. Akhir sekali, kepada anak-anak yang hadir pada hari ini, memanfaatkan sepenuhnya ilmu dan bimbingan yang diberikan dalam seminar ini.
  
19. Usaha yang gigih dan disiplin dalam pelajar adalah amat penting. Namun, kejayaan ini perlu disertai dengan sikap positif, serta usaha, dan doa yang berterusan.
  
20. InsyaAllah, dengan adanya sokongan padu daripada semua pihak seperti hari ini, saya yakin anak-anak semua akan dapat menghadapi SPM dengan lebih yakin dan bersemangat. Ketahuilah kejayaan anda adalah juga kejayaan kita semua.

21. Dengan lafaz mulia  
Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan  
ini merasmikan Seminar  
Kecemerlangan SPM 2024 Peringkat  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah  
wassalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.